
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Semester Kedua
Sidang Akademik 2001/2002

Februari/Mac 2002

SPW204 – Teori dan Kaedah Sains Politik

Masa : 3 jam

Sila pastikan bahawa kertas peperiksaan ini mengandungi DUA muka surat yang bercetak sebelum anda memulakan peperiksaan ini.

Jawab Soalan 1 di Bahagian A, dan DUA (2) Soalan lagi dari Bahagian B.

Bahagian A

Soalan 1 – wajib dijawab

1. Berikan penjelasan ringkas untuk:
 - a) Konsosiasionalisme (A.Lijphart)
 - b) Prinsip plebisit dan perwakilan secara berkumpulan (Bendix)
 - c) Konsep “hegemoni” (Gramsci)
 - d) Kelas-kelas pertengahan di Malaysia pada tahun 1990an (Rahman Embong)
 - e) Modal “pemerintah berorientasikan pembangunan” (C.Johnson)

(40 markah)

Bahagian B

Jawab DUA (2) soalan sahaja.

2. Apakah diertikan oleh S.P. Huntington dengan “kemerosotan politik”? Mengapakah ia sering berlaku di negara-negara sedang membangun? Menurut Huntington lagi, bagaimana pula kemerosotan ini dapat diatasi di negara-negara sedang membangun?

(30 markah)

...2/-

3. "Dengan menumpukan pada faktor ekonomi sedunia, sesetengah sarjana telah memakai perspektif 'pergantungan' untuk menjelaskan kemunduran ekonomi dan ketidakstabilan politik di negara-negara sedang membangun. Namun pespektif 'pergantungan' ini masih mengandungi kekurangan tersendiri". Bincangkan.

(30 markah)

4. Menurut sesetengah sarjana, teori elitis mempunyai kecenderungan ke arah pendominasian oleh pihak elit, bahkan ke arah satu sistem politik facisme. Jelaskan idea-idea utama tentang hubungan antara pemerintah dan masyarakat umum dalam teori elitis sepertimana diketengahkan oleh Mosca dan Pareto. Menurut Weber, bagaimanakah kecenderungan ke arah pendominasian elit ini dapat dibataskan.

(30 markah)

5. Menurut C.Geertz, konflik perkauman yang sering berlaku adalah disebabkan "sentimen-sentimen primordial". Apakah dimaksudkan dengan sentimen-sentimen ini? Mengapakah sentimen-sentimen ini semakin jadi dalam negara sedang membangun? Menurut pandangan anda, bagaimana pula sentimen-sentimen primordial ini dapat dikawal dan konflik perkauman dielakkan?

(30 markah)

- oo o0o oo -